

1. Apakah yang dimaksudkan dengan MQS?

MARA Ecosystem Quality Standard (MQS) adalah standard pengukuran pembudayaan korporat, persekitaran kondusif serta kreativiti dan inovasi di semua Pusat Pentadbiran MARA.

2. Bahagian mana yang menjadi penyelaras dan pemantau Pensijilan MQS?

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Bil. 1/2014 pada 9 Januari 2014 telah menetapkan Bahagian Pengurusan Risiko Dan Inspektorat MARA (BPIN) menjadi bahagian penyelaras dan pemantau kepada pelaksanaan QE/5S dalam MARA. Keputusan ini dibuat bagi memastikan pelaksanaan Budaya Amalan QE/5S direalisasikan dan dihayati oleh semua warga MARA. Pengurusan MARA, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Bil. 10/2016 pada 28 Jun 2016 telah meluluskan penggunaan *MARA Ecosystem Quality Standard* (MQS) bagi menggantikan QE/5S. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) melalui surat bertarikh 24 Februari 2017, telah bersetuju membenarkan penggunaan *MARA Ecosystem Quality Standard* (MQS) di semua Pusat Pentadbiran MARA.

3. Siapakah Pegawai MQS dan apakah tugas utama mereka?

Adalah pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk MQS untuk membuat verifikasi terhadap Penilaian Kendiri MQS yang telah dilaksanakan oleh Pusat Pentadbiran MARA bagi tujuan pensijilan. Verifikasi markah penilaian sendiri yang dibuat oleh pusat akan dikendalikan oleh Pegawai MQS yang dilantik sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk MQS bagi tujuan pensijilan.

4. Nyatakan objektif utama pelaksanaan MQS?

- a. Mewujudkan ekosistem berkualiti yang perlu dipatuhi di semua Pusat Pentadbiran MARA meliputi budaya korporat, persekitaran kondusif termasuk elemen keselamatan dan kesihatan pekerjaan, keselamatan perlindungan dan penjanaan idea, kreativiti serta inovasi dalam kalangan warga kerja.
- b. Menyeragamkan pelaksanaan, cara kerja dan pemantauan pembudayaan MQS di semua Pusat Pentadbiran MARA supaya dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam sistem penyampaian.

5. Nyatakan Jawatankuasa MQS yang perlu diwujudkan oleh Pusat Pentadbiran MARA dalam usaha untuk menjayakan pelaksanaan Pensijilan MQS?

Pusat Pentadbiran MARA perlu mewujudkan Jawatankuasa MQS yang terdiri daripada:-

- a. Jawatankuasa Pelaksana;
- b. Jawatankuasa Audit;
- c. Jawatankuasa Latihan;
- d. Jawatankuasa Promosi;
- e. Jawatankuasa – jawatankuasa lain yang difikirkan perlu oleh Pusat.

6. Adakah Pusat Pentadbiran MARA perlu melaksanakan penilaian sendiri dan adakah Senarai Semak adalah sama bagi setiap pusat?

Pusat Pentadbiran MARA dikehendaki melaksanakan proses penilaian sendiri berdasarkan Senarai Semak MQS yang terkandung dalam Manual MQS dan Laman Sesawang MQS “www.mqs.mara.gov.my”. Senarai Semak MQS adalah berbeza mengikut pusat seperti berikut:-

- a. Senarai Semak Kategori Ibu Pejabat MARA
- b. Senarai Semak Kategori PMN
- c. Senarai Semak Kategori PMD
- d. Senarai Semak Kategori IPMa
- e. Senarai Semak Kategori Subsidiari (Pejabat)

7. Berapakah jumlah markah Penilaian Kendiri yang perlu diperolehi oleh Pusat Pentadbiran MARA untuk memohon Pensijilan MQS?

Pusat yang mencapai markah penilaian sendiri 85% dan ke atas layak memohon Pensijilan MQS daripada Jawatankuasa Induk MQS.

8. Nyatakan prosedur permohonan Pensijilan MQS?

Permohonan untuk mendapatkan Pensijilan MQS hendaklah menggunakan Borang MQS 01 yang boleh didapati dari Manual MQS dan Laman Sesawang MQS “www.mqs.mara.gov.my”. Tiga tarikh cadangan lawatan verifikasi MQS perlu dinyatakan dalam Borang MQS 01 dan mengemukakan permohonan tersebut sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh lawatan verifikasi yang dicadangkan.

9. Nyatakan syarat utama keputusan/kelulusan Pensijilan MQS?

Syarat utama keputusan/kelulusan Pensijilan MQS adalah seperti berikut;

- a. Layak mendapat Pensijilan MQS bila mendapat markah 85% dan ke atas
- b. Lulus Bersyarat apabila mendapat markah 80% - 84%
 - i. Perlu Penambahbaikan Berdasarkan Teguran Audit
 - ii. Pengesahan Penambahbaikan Secara Laporan Bergambar
 - iii. Disahkan Oleh Jawatankuasa Audit Pusat
- c. Markah 79% ke bawah – tidak layak mendapat Pensijilan MQS.

10. Berapa lamakah tempoh sah laku Pensijilan MQS?

Tempoh sah laku Pensijilan MQS adalah selama 2 (dua) tahun.